KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
Aras 5, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P Putrajaya

TEL : 03-88834215 (AM)
FAX : 03-88886133

Ruj. Kami : KKM 600-29/1/29 (II)
Tarikh : 17 April 2020

SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN ISU-ISU BERHUBUNG PENULARAN JANGKITAN WABAK COVID-19 DI PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN BIL. 3/2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berikutan pengumuman kerajaan berkenaan pelaksanaan kuarantin wajib kepada semua individu yang masuk ke Malaysia, Garis Panduan Pengendalian Isu-Isu Berhubung Penularan Jangkitan Wabak COVID-19 Di Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Bil. 2/2020 yang telah diedarkan sebelum ini telah ditambahbaik. Ini seterusnya membatalkan garis panduan yang telah diedarkan sebelum ini pada 2 April 2020.

3. Sehubungan itu, bersama ini dikepilkan Garis Panduan Pengendalian Isu-Isu Berhubung Penularan Jangkitan Wabak COVID-19 Di Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Bil. 3/2020 untuk perhatian dan tindakan lanjut. Sukacita dimaklumkan prosedur ini perlulah dibaca bersekali dengan *Guidelines on COVID-2019 Management in Malaysia No. 05/2020.*

4. Kerjasama tuan/ puan adalah diperlukan bagi memaklumkan perkara ini kepada semua anggota seliaan di bawah tuan/ puan dan seterusnya memastikan pelaksanaannya di peringkat klinik. Garis panduan ini juga boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi PKP KKM www.ohd.moh.gov.my. Penggunaan garis panduan ini berkuatkuasa serta merta bersamaan dengan tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi Dr. Azliza binti Dato' Zabha di e-mel drazliza@moh.gov.my. Segala kerjasama tuan/ puan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. NOORMI BINTI OTHMAN)
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
   Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian
   Kementerian Kesihatan Malaysia

2. Pengarah
   Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian
   Kementerian Kesihatan Malaysia

3. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Sabah
   Tingkat 1, Bangunan Persatuan India Sabah (SIA)
   Jalan Mat Salleh, 88804 Kota Kinabalu, Sabah

4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Negeri Sembilan
   Jalan Rasah
   70300 Seremban, Negeri Sembilan

5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Johor
   Tingkat 4, Wisma Persekutuan, Blok B
   Jalan Air Molek
   80590 Johor Bahru, Johor

6. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Melaka
   Tingkat 3, Wisma Persekutuan
   Jalan Business City, Bandar MITC
   75450 Ayer Keroh, Melaka

7. Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) WP Kuala Lumpur & Putrajaya
   Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
   Tingkat 1, Blok C, Jalan Cenderasari
   50590 Kuala Lumpur

8. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Sarawak
   Jalan Diplomatik off Jalan Bako
   93050 Kuching, Sarawak

9. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Terengganu
   Tingkat 1, Wisma Persekutuan
   Jalan Sultan Ismail
   20920 Kuala Terengganu, Terengganu

10. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Pulau Pinang
    Tingkat 7, Bangunan Persekutuan Pulau Pinang
    Jalan Anson, 10400 Pulau Pinang

11. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Kedah
    Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
    Jalan Kuala Kedah
    05400, Simpang Kuala, Alor Setar, Kedah

12. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Selangor
    Tingkat 10 & 11, Wisma SunWay Mas
    Lot 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C
    40100 Shah Alam, Selangor

13. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Kelantan
    Tingkat 7, Bangunan KWSP
    Jalan Padang Garong, 15598 Kota Bahru, Kelantan

14. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Perak
    Aras 5, Bangunan Tabung Haji
    Jalan Koo Chong Kong, 30000 Ipoh, Perak

15. Pengarah Pusat Pergigian Kanak-Kanak &
    Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pergigian) Georgetown
    No. 3, Jalan Sepoy Lines, 10450 Pulau Pinang

16. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Pahang
    Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota
    25582 Kuantan, Pahang

17. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Perlis
    Lot 217, Mukim Utan Aji
    Jalan Raja Syed Alwi
    01000 Kangar, Perlis

18. Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) WP Labuan
    Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
    Pejabat Pergigian, Peti Surat 80544
    87014, Wilayah Persekutuan Labuan

19. Ketua Pakar Perkhidmatan Patalogi Mulut dan Perubatan Mulut
    Unit Stomatologi
    Pusat Penyelidikan Kanser
    Institut Penyelidikan Perubatan
    Jalan Pahang
    50588 Kuala Lumpur

20. Pengarah Pengarah Perkhidmatan Pergigian
    Cawangan Pergigian
    Bahagian Perkhidmatan Kesihatan
    Markas Angkatan Tentera Malaysia
    Kementerian Pertahanan Malaysia

21. Presiden Majlis Dekan
    Universiti Teknologi MARA
    Tingkat 19, Menara 2, Kompleks Sains & Teknologi
    40450 Shah Alam

22. Pengarah
    Institut Kanser Negara
    4, Jalan P7, Presint 7
    62250 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya

23. Pengarah
    Hospital Kuala Lumpur
    Hospital Kuala Lumpur
    50586 Jalan Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

24. Pengarah
    Institut Kesihatan Negara
    Kompleks Institut Kesihatan Negara
    Jalan Setia Murni U13/52 Seksyen U13, Setia Alam
    40170 Shah Alam, Selangor

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN ISU-ISU BERHUBUNG PENULARAN JANGKITAN WABAK COVID-19 DI PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN BIL. 3/2020

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini adalah sebagai rujukan kepada semua anggota kesihatan pergigian bagi mengendali penularan jangkitan wabak COVID-19 di fasiliti dan penyampaian perkhidmatan pergigian. Ini merangkumi memperkukuh saringan pesakit di klinik pergigian dan pengendalian pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan dengan memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan infeksi yang standard sentiasa dipatuhi dan diamalkan.

Garis panduan ini boleh juga digunakan bagi sebarang wabak yang disebarkan melalui titisan air dan udara *(droplet and airborne transmission).*

Dokumen ini dibahagikan kepada 6 (enam) bahagian iaitu:

i. Takrifan/ Lampiran
ii. Latar Belakang
iii. Kawalan Jangkitan
iv. Pelaksanaan
v. Tanggungjawab Ketua Jabatan/ Pengurusan
vi. Media Sosial

2.0 TAKRIFAN/ LAMPIRAN

2.1 Takrifan

i. **"*Designated Hospital*"** bermaksud hospital yang dikhaskan bagi mengendalikan kes COVID-19

ii. ***"Hand hygiene"*** bermaksud aktiviti membasuh tangan yang efektif untuk menghilangkan virus/ bakteria dari tapak tangan

iii. **"Kontak rapat"** bermaksud
- Individu yang terdedah kepada pesakit positif COVID-19
- Anggota yang terdedah tanpa menggunakan *personal protective equipment* (PPE) termasuk menjalankan perkhidmatan secara terus dengan pesakit positif COVID-19, bekerja dengan anggota yang dijangkiti virus COVID-19, melawat pesakit atau duduk berdekatan dengan ruang yang sama dengan pesakit positif COVID-19
- Bekerja secara dekat atau berkongsi ruang yang sama dengan pesakit positif COVID-19
- Sejarah perjalanan bersama dengan pesakit positif COVID-19 dalam apa cara sekalipun
- Tinggal di rumah yang sama dengan pesakit positif COVID-19

iv. **“Kes positif COVID-19”** bermaksud individu yang telah disahkan melalui ujian makmal dijangkiti virus COVID-19

v. **“Perkhidmatan”** bermaksud penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian kepada orang ramai

vi. **“Pendedahan”** bermaksud pesakit yang boleh terdedah kepada penyebaran COVID-19 kerana berada dalam satu kumpulan dengan kontak rapat atau positif COVID-19

vii. **“*PUI (Person Under Investigation)*”** bermaksud pesakit yang mempunyai salah satu gejala: kesukaran bernafas, batuk atau sakit tekak, dengan / tanpa demam DAN memiliki sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 (empat belas) hari sebelum mempunyai gejala ATAU mempunyai kontak rapat dalam tempoh 14 (empat belas) hari sebelum mempunyai gejala dengan pesakit positif COVID-19 ATAU menghadiri acara/majlis/perhimpunan dimana terdapat peserta disahkan positif COVID-19

viii. **“*Person Under Surveillance (PUS)*”** bermaksud individu yang pulang ke Malaysia melalui jalan udara, jalan darat, jalan air dan lain-lain dan ditempatkan di pusat kuarantin

ix. **“Pusat Kuarantin”** bermaksud fasiliti hospital atau bukan hospital yang telah dikenalpasti, diumumkan dan diwartakan oleh KKM digunakan sebagai tempat untuk individu yang perlu diletakkan di bawah pengawasan

x. **“Rawatan kecemasan”** bermaksud sebarang rawatan yang perlu diberikan dalam keadaan terdesak (Rujuk kepada **Lampiran 2**)

xi. **“Saringan”** bermaksud aktiviti di mana pesakit disaring/ ditapis bagi mengesan tanda dan gejala awal COVID-19 serta mengambil maklumat tentang sejarah perjalanan ke luar negara dan jika ada kontak rapat dengan pesakit COVID-19

xii. **“Virus COVID-19”** bermaksud nama virus yang menyebabkan penyakit COVID-19 yang digunakan oleh WHO untuk merujuk kepada virus SARS-CoV-2

xiii. **“Waktu operasi”** bermaksud waktu perkhidmatan yang dimaklumkan kepada pelanggan

xiv. **“Waktu kerja”** bermaksud waktu bekerja anggota di mana klinik pergigian dibuka kepada orang ramai mengikut tempoh yang ditetapkan

xv. **“*Walk In*”** bermaksud pesakit yang hadir tanpa/ bukan pada waktu temu janji

2.2 Senarai Lampiran

LAMPIRAN 1	**:**	Borang Deklarasi Pesakit Untuk Saringan Penyakit COVID-19
LAMPIRAN 2	**:**	Senarai *Designated* Hospital Bagi Mengendalikan Kes COVID-19 dan Pusat Saringan COVID-19
LAMPIRAN 3	**:**	Jenis Rawatan Dalam Kategori Kecemasan
LAMPIRAN 4	**:**	Senarai Hospital dengan Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial dan Jabatan Pergigian Pediatrik

3.0 LATAR BELAKANG

Wabak penularan jangkitan virus baharu yang dikenali sebagai COVID-19 yang bermula di Wuhan, Wilayah Hubei, Republik Rakyat China telah mula dilaporkan pada 31 Disember 2019. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 telah mengisytiharkan wabak COVID-19 sebagai pandemik. Berikutan penularan jangkitan yang mendadak di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan selama 2 (dua) minggu sehingga 30 Mac 2020 telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 bagi membendung penularan wabak ini. Walau bagaimanapun pada 25 Mac 2020 perintah ini telah dilanjutkan sehingga 28 April 2020. Kerajaan juga telah menguatkuasakan arahan agar semua rakyat warganegara Malaysia di luar negara yang telah pulang ke tanah air melalui Pintu Masuk Antarabangsa Negara akan dikuarantinkan selama 14 (empat belas) hari di pusat-pusat kuarantin yang telah dikenalpasti[1].

Penularan wabak ini, turut memberi kesan kepada perkhidmatan kesihatan pergigian, memandangkan fasiliti dan penyampaian perkhidmatan pergigian sentiasa terdedah kepada risiko jangkitan silang di antara pesakit dan anggota kesihatan pergigian. COVID-19 ini adalah disebabkan jangkitan oleh virus SARS-CoV-2[2] atau lebih dikenali sebagai virus COVID-19[3] yang boleh menyebabkan gejala-gejala demam dan/ atau jangkitan pernafasan yang akut seperti sakit tekak, batuk dan kesukaran bernafas/ tercungap-cungap[4,5]. Virus ini adalah virus ke-7 dalam senarai coronavirus yang boleh menjangkiti manusia dan genetik virus ini berkait rapat dengan coronavirus yang menyebabkan wabak SARS (*Severe Acute Respiratory Syndrome*) pada tahun 2003[3,6].

Penyebaran utama virus ini antara individu adalah melalui titisan cecair pernafasan (*respiratory droplets*) dan kontak langsung dengan individu positif COVID-19[3,4]. Namun pemerhatian terkini menunjukkan penyebaran juga boleh berlaku daripada pembawa COVID-19 virus yang tidak mempunyai tanda, gejala atau dalam tempoh inkubasi (*incubation period)*[7,8]. Tempoh inkubasi ini telah dianggarkan sekitar 5 (lima) hingga 6 (enam) hari namun terdapat bukti saintifik yang menunjukkan sehingga 14 (empat belas) hari[9,10,11,12,13]. Pemerhatian terkini juga menunjukkan individu kontak rapat termasuk anggota kesihatan yang mengendalikan PUI (*Person Under Investigation*) adalah berisiko tinggi untuk dijangkiti[4,5].

Penyampaian perkhidmatan pergigian juga melibatkan banyak prosedur rawatan yang menghasilkan aerosol dan titisan pernafasan (respiratory *droplets*) bercampur air liur dan darah yang boleh mengandungi virus[2,3]. Setakat ini, masih kurang bukti saintifik yang menunjukkan virus COVID-19 boleh tersebar melalui aerosol[4,5] namun memandangkan genetik virus ini yang hampir serupa dengan coronavirus, kemungkinan penyebaran virus ini melalui melalui udara (*airbone*) dalam bentuk aerosol dan titisan pernafasan juga adalah tinggi[13,14]. Aerosol dan titisan pernafasan ini adalah bersaiz mikro dan boleh kekal di udara dalam jangka masa yang lama menjadikan ianya berpotensi untuk menyebabkan jangkitan kepada individu lain yang terdedah[4].

Pesakit dengan kes positif COVID-19 adalah sukar untuk dikenalpasti kerana tanda-tanda klinikal dan gejala-gejala yang kadangkala tiada, sederhana dan luar biasa[15]. Sehubungan itu, semua anggota kesihatan pergigian dinasihatkan untuk mengekalkan amalan sedia ada dalam penggunaan PPE dan amalan *standard precautions* sepertimana yang telah digariskan dalam *Guidelines on Infection Control in Dental Practice 2017* terbitan Majlis Pergigian Malaysia[16] dalam menjalankan saringan serta memberikan rawatan.

4.0 KAWALAN JANGKITAN

Semua petugas pergigian mesti memakai peralatan perlindungan diri (PPE) yang lengkap apabila berdepan dengan pesakit. Kawalan jangkitan yang lebih ketat perlu diamalkan bagi menangani wabak COVID-19 untuk mengelakkan jangkitan silang dalam menjalankan rawatan.

Bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 di klinik pergigian, rawatan pergigian untuk PUI dan pesakit positif COVID-19 jika diperlukan, mestilah dilakukan di hospital yang telah dikhaskan (Lampiran 2). Rawatan hendaklah dihadkan kepada pesakit yang mengalami **kes-kes kecemasan** sahaja. Manakala pesakit yang memerlukan rawatan elektif diberikan temu janji. Rawatan yang menghasilkan aerosol seperti tampalan dan penskaleran perlu dihadkan, sekiranya tidak dapat dielakkan maka disyorkan supaya pesakit berkumur sebelum rawatan dengan mouthrinse yang mengandungi ***Hydrogen Peroxide* (H2O2) 1%, isolasi kawasan rawatan dengan menggunakan *rubber dam* dan menggunakan *high volume suction*[3].**

Disinfeksi perlu dilaksanakan selepas setiap prosedur rawatan bagi setiap pesakit bagi permukaan yang telah terdedah kepada aerosol dan titisan pernafasan (*respiratory droplets*) seperti:

i. PPE yang boleh diguna semula (*eye-wear/ face shield*) menggunakan air dan sabun
ii. Hanpis, peralatan untuk mengambil x-ray, kerusi dan lampu pergigian perlu dibersihkan mengikut arahan pengeluar
iii. Permukaan yang kerap disentuh oleh pesakit seperti tombol/pemegang pintu, kerusi, meja, lif, tandas dan lain-lain perlu dibersihkan dengan kerap.

PPE DI KLINIK PERGIGIAN (TERMASUK UNIT PAKAR PERGIGIAN DI HOSPITAL)

AKTIVITI	PERSONEL TERBABIT	PERALATAN PPE
1. Saringan / Pendaftaran	Pegawai Pergigian Pembantu Pembedahan Pergigian	• *Surgical mask* • *Frequent Hand hygiene* • Set lengkap PPE tersedia untuk kecemasan • Amalkan penghadang bagi mengurangkan pendedahan kepada jangkitan • Penjarakkan ~ 1-2 meter antara pesakit di bilik menunggu
2. Bilik Rawatan	Pakar Pergigian/ Pegawai Pergigian/ Pembantu Pembedahan Pergigian/ Pembantu Perawatan Kesihatan	• *Surgical mask* • Gaun isolasi – berlengan panjang, kalis-cecair *(Isolation Gown : fluid-repellent long sleeve gown)* • *Gloves* • Pelindung muka dan mata*: Goggles / face shield*
	Petugas Pembersihan *(Cleaners)*	• *Surgical mask* • *Long sleeve plastic gown/ apron* • *Gloves* • *Eye Protection (goggles/ face shield)* • *Boots or covered shoes*

Nota: Prosedur nyahkuman/ disinfeksi perlu dilaksanakan selepas prosedur rawatan bagi permukaan yang telah terdedah kepada aerosol dan titisan pernafasan *(respiratory droplets)* termasuk tombol pintu, kerusi rawatan, meja dan suis.

PPE KETIKA MERAWAT PESAKIT PUI/ PESAKIT POSITIF COVID-19/ PUS

AKTIVITI	PERSONEL TERBABIT	PERALATAN PPE
Consultation/ Rawatan *(History taking/ physical examination/ providing care)* • Pesakit PUI/ Positif COVID-19/ PUS akan melalui prosedur untuk dirujuk ke Hospital yang telah ditentukan.	• Pesakit	• *Surgical mask*

• Rawatan pergigian untuk PUI/ pesakit positif COVID-19/ PUS jika diperlukan, mestilah dilakukan di hospital yang telah dikhaskan • Hanya **RAWATAN PERGIGIAN KECEMASAN** akan dijalankan.	• Petugas Pergigian : Pakar Pergigian/ Pegawai Pergigian Pembantu Pembedahan Pergigian	• *N95 mask (*sekiranya ada*)/ Surgical mask* • *Gloves* • *Isolation Gown (fluid-repellent long sleeve gown)* • *Eye protection (goggles/ face shield)* • *Head cover* • *Shoe cover*

RINGKASAN PEMAKAIAN PPE DAN KAWALAN JANGKITAN SILANG

Peralatan dan kawalan jangkitan silang		**Anggota Pergigian Bertugas**				
		Saringan Luar	**Kaunter**	**Merawat Pesakit Biasa**	***Merawat PUI/ Positive COVID-19/ PUS**	**Kebersihan Peralatan/ Permukaan**
A.	***PPE***					
1.	*N95 mask*				√	
2.	*3-ply surgical mask*	√	√	√		√
3.	*Goggles*			√	√	√
4.	*Disposable isolation gown (fluid-repellent long sleeved gown with cuff)*	√	-	√	√	√
5.	*Plastic apron*	-	-		√	√
6.	*Gloves*	√	-	√	√ *(double gloves)*	√
7.	*Face shield*	√ (Jika tiada penghadang)	√ (Jika tiada penghadang)	√	√	√ (Jika tiada goggles)
8.	*Head cover*	-	-	-	√	-
9.	*Shoe cover*	-	-	-	√	-
10.	*Boots or covered shoes*	-	-	√	√	√
B.	**KAWALAN JANGKITAN SILANG**					
1.	*Hand Hygiene*	√	√	√	√	√
2.	Pengendalian aerosol	-	-	√	√	-

3.	Pengendalian *sharps*	-	-	√	√	√
4.	Pengendalian *injections*	-	-	√	√	-
5.	Pengendalian sterilisasi peralatan pergigian	-	-	√	√	√
6.	Kekalkan jarak 1-2m setiap masa	√	√	-	-	√

Nota: Penggunaan *Powered Air Purifying Respirators* dan *Tyvec suit* adalah pilihan utama sekiranya menjalankan *Aerosol Generating Procedures (AGP)* kepada PUI/ positif COVID-19 (Sila rujuk *Guidelines COVID-19 Management No.5/2020*, m/s 77)

5.0 PELAKSANAAN

5.1 Saringan

Matlamat utama saringan adalah memastikan semua pesakit dan peneman pesakit yang hadir ke klinik pergigian disaring bagi memastikan keselamatan pesakit lain dan anggota pergigian yang bertugas.

Sehubungan itu, semua pesakit dan peneman pesakit yang hadir ke klinik pergigian perlu disaring di kaunter khas untuk mengenal pasti individu yang disyaki dijangkiti COVID-19.

Petugas Kaunter *Triage* boleh menggunakan Borang Deklarasi Pesakit untuk Saringan Penyakit COVID-19 (**Lampiran 1**). Borang ini boleh disesuaikan berdasarkan keperluan setempat.

i. Ambil sejarah klinikal dan perjalanan pesakit seperti berikut:

   a. Jangkitan pernafasan yang akut (*acute*) [jangkitan pernafasan secara tiba-tiba dengan sekurang-kurangnya terdapat salah satu tanda-tanda klinikal/ gejala berikut: kesukaran bernafas (tercungap-cungap), batuk atau sakit tekak dengan demam atau tidak;

      DAN

   b. Sejarah perjalanan/ menetap di luar negara selama 14 (empat belas) hari sebelum mula tanda-tanda klinikal/ gejala

      ATAU

   c. Kontak rapat dalam tempoh 14 (empat belas) hari sebelum mula tanda-tanda klinikal/ gejala dengan pesakit yang telah disahkan kes positif COVID-19

ATAU

d. Menghadiri perjumpaan/ majlis yang disahkan mempunyai wabak COVID-19

ii. Sekiranya pesakit didapati tidak mempunyai gejala di atas, teruskan dengan pendaftaran di kaunter klinik pergigian

iii. Sekiranya pesakit **memenuhi kriteria i (a) dan tidak memenuhi kriteria yang lain**, hanya rawatan pergigian kecemasan boleh dijalankan berdasarkan pertimbangan klinikal

iv. Sekiranya pesakit **memenuhi kriteria i (a) dan i (b) ATAU i (a) dan i (c) ATAU memenuhi semua** kriteria di atas **[i (a), i (b) dan i (c)]**, pesakit ini telah dikategorikan sebagai ***PUI (Patient Under Investigation)***. Hubungi Klinik Kesihatan (KK)/ Hospital yang telah dikenalpasti untuk arahan dan tindakan lanjut (**Lampiran 2**) dan pastikan:

- Pesakit dikendalikan oleh petugas khas yang telah dikenalpasti dan dilatih (sekiranya ada)
- Petugas khas yang mengendalikan PUI mengamalkan dan memakai PPE pada setiap masa
- Pesakit diasingkan di ruang menunggu khas/ isolasi [sekurang-kurangnya 1 (satu) meter dari pesakit dan anggota kesihatan pergigian yang lain]
- Pesakit memakai *surgical mask* (jika keadaan pesakit mengizinkan) dan mengamalkan kebersihan tangan yang ketat (*strict hand hygiene*)
- Petugas kaunter *triage* menyediakan surat rujukan ke KK/ Hospital yang telah dikenal pasti untuk rujukan. PUI yang memerlukan rawatan kecemasan pergigian dirujuk ke *Designated Hospital* yang mempunyai *dedicated dental team* seperti yang dinyatakan dalam 5.3.1.
- Petugas khas memastikan kaedah pembuangan PPE dengan betul setelah selesai mengendalikan PUI
- Dekontaminasi ruang isolasi dan peralatan yang telah digunakan

5.2 Perkhidmatan Pergigian Di Klinik/ Hospital

Perkhidmatan pergigian di klinik merangkumi perkhidmatan pergigian primer dan juga perkhidmatan kepakaran Pergigian Restoratif, Periodontik, Ortodontik dan Kesihatan Awam. Manakala perkhidmatan pergigian di hospital pula merangkumi perkhidmatan Pembedahan Mulut dan Maksilofasial, Patologi Mulut dan Perubatan Mulut, Pergigian Pediatrik, Pergigian Keperluan Khas serta Forensik Odontologi.

5.2.1 Pengurusan Perkhidmatan di Klinik/ Hospital

Bagi pengurusan klinik/ hospital, adalah disarankan:

i. Hadkan bilangan anggota yang bertugas di klinik pergigian.
ii. Rawat pesakit yang mengalami kes-kes kecemasan sahaja dan memberi temu janji bagi kes elektif.
iii. Hadkan bilangan penjaga atau ahli keluarga kepada maksima 2 (dua) orang ketika membawa pesakit ke klinik untuk rawatan.
iv. Pastikan jarak setiap pesakit antara satu sama lain di ruang menunggu adalah sekurang-kurangnya 1 (satu) meter.
v. Hubungi pesakit temu janji untuk penangguhan temu janji sehingga keadaan terkawal.

5.2.2 Pengurusan Rawatan

Bagi prosedur rawatan, adalah disarankan:

i. Rawatan diberikan hanya terhad kepada rawatan kes-kes kecemasan sahaja **(Lampiran 3).**
ii. Anggota pergigian yang terlibat dalam menjalankan pemeriksaan/ rawatan perlu memakai *PPE* yang lengkap (sila rujuk perkara 4.0) dan mengamalkan *standard precaution*.
iii. Sekiranya didapati pengambilan x-ray adalah perlu, penggunaan '*extaroral radiograph'* seperti OPG dan CBCT adalah alternatif terbaik berbanding '*intraoral radiograph'* bagi mengelakkan ketidakselesaan dan mengakibatkan batuk/bersin pada pesakit.
iv. Keutamaan diberikan kepada penggunaan *'hand instruments'* dan *'4-handed technique'* bagi mengawal jangkitan.
v. Rawatan kes kecemasan yang melibatkan prosedur yang menghasilkan aerosol *(aerosol-generating procedure, AGP)* seperti penggunaan *handpiece*, *air abrasion*, penggunaan *3-way syringe* dan *ultrasonic scaler* sekiranya perlu dijalankan: pesakit diminta untuk berkumur sebelum rawatan dengan *Hydrogen peroxide* (H_2O_2) 1% dan isolasi kawasan rawatan dengan menggunakan *rubber dam* serta menggunakan *high volume suction*[4]. Rawatan perlu dijalankan dalam bilik rawatan berasingan yang bertutup serta mempunyai sistem ventilasi yang baik serta bilangan anggota pergigian dalam bilik rawatan mesti dihadkan[15]. Prosedur AGP hendaklah dijalankan secara temujanji di sesi terakhir pada hari tersebut.
vi. Masa menunggu dan rawatan pesakit disingkatkan.
vii. Setelah selesai prosedur rawatan, pastikan prosedur disinfeksi dan sterilisasi dipatuhi (sila rujuk perkara 4.0 atau *Guideline COVID-19 Management in Malaysia No. 05/2020, m/s 73-74*)[15].

Nota: Adalah penting untuk petugas kesihatan pergigian mengamalkan *standard precautions* secara rutin kerana pesakit COVID-19/ PUI mempunyai gejala yang sedikit atau kemungkinan tiada dan juga berkemungkinan tidak dapat dikesan lebih awal.

5.3 Kes-Kes Terpencil

5.3.1 Pesakit Dalam (*in-patient*) yang Positif COVID-19 dan PUI/PUS

Pengendalian Pesakit Dalam *(in-patient)* yang positif COVID-19 dan PUI/PUS yang dirujuk untuk masalah pergigian adalah seperti berikut:

i. Satu kumpulan pergigian yang khas (*dedicated dental team*) perlu diwujudkan bagi *Designated Hospital*.
ii. Rawatan yang diberikan hanya terhad kepada kes-kes kecemasan sahaja (**Lampiran 3**) dan dilakukan di fasiliti yang sesuai untuk kes-kes berkaitan. Laluan khas dari wad ke ruang/bilik untuk melakukan prosedur pergigian perlu dikenalpasti. Rawatan kes kecemasan yang melibatkan prosedur yang menghasilkan aerosol *(aerosol-generating procedure, AGP)* seperti penggunaan *handpiece*, *air abrasion*, penggunaan *3-way syringe* dan *ultrasonic scaler* sekiranya perlu dijalankan: pesakit diminta untuk berkumur sebelum rawatan dengan *Hydrogen peroxide* (H_2O_2) 1% dan isolasi kawasan rawatan dengan menggunakan *rubber dam* serta menggunakan *high volume suction*[4]. Rawatan perlu dijalankan dalam bilik rawatan berasingan yang bertutup serta mempunyai sistem ventilasi yang baik serta bilangan anggota pergigian dalam bilik rawatan mesti dihadkan[15]. Prosedur AGP hendaklah dijalankan secara temujanji di sesi terakhir pada hari tersebut. (Rujuk *Guideline COVID-19 Management in Malaysia No. 05/2020, m/s 73-74)*
iii. Jika pesakit memerlukan pembedahan kecemasan, rawatan sebaiknya dilakukan di bawah anestesia setempat. Namun, jika anestesia umum diperlukan, rawatan pembedahan harus dilakukan di dalam *negative pressure setting* dan melaksanakan langkah-langkah *biohazard* rutin sebelum, semasa dan selepas prosedur (sila rujuk *Guideline COVID-19 Management in Malaysia No. 05/2020, m/s 143 dan Garis Panduan Pengendalian Pembedahan Kecemasan dan Separa Kecemasan Semasa Wabak COVID-19 di Hospital KKM*)[15,18].

5.3.2 Kes Individu dalam Tahanan

Kes pergigian forensik merangkumi mengenal pasti individu dalam tahanan (Orang Kena Tahan/ Suspek). Pada ketika ini, tiada pemeriksaan akan dijalankan kecuali bagi kes-kes kecemasan.

5.3.4 Kes Individu di Pusat Kuarantin

Individu yang kembali dari luar negara akan ditempatkan di pusat kuarantin yang telah dikenalpasti dan di bawah pengawasan selama tempoh 14 (empat belas) hari. Individu ini dikenali sebagai *Person Under Surveillance (PUS).* PUS hendaklah melaporkan kepada petugas kuarantin sekiranya mengalami simptom COVID-19 atau sebarang masalah kesihatan/ pergigian bagi tindakan segera petugas Kesihatan yang bertugas di pusat-pusat kuarantin.

i. PUS yang didapati mempunyai tanda masalah pergigian mestilah terlebih dahulu diperiksa oleh pegawai perubatan atau petugas kesihatan di pusat kuarantin.
ii. Pegawai Perubatan atau Petugas Kesihatan akan menghubungi Pakar Bedah Mulut dan Maksilofasial atau Pakar Pergigian Pediatrik di hospital yang berdekatan (**Lampiran 4**) melalui telefon bagi mendapatkan konsultasi kes untuk diagnosa dan rawatan awal serta tindakan lanjut. Disarankan agar rawatan awal adalah dalam bentuk *pharmacological dan non-surgical* mengambilkira rawatan akhir yang diberikan selepas tempoh kuarantin selama 14 (empat belas) hari. Bekalan ubat boleh diperolehi dari pusat kesihatan yang terdekat.
iii. Sekiranya didapati kes kecemasan perlu juga dirawat, PUS akan dihantar ke hospital (**Lampiran 4**) untuk mendapatkan rawatan kecemasan lanjut. PUS perlu menjalani ujian saringan COVID-19 sebelum di bawa ke hospital. Ini bagi memastikan sekiranya PUS didapati positif COVID-19, pasukan yang menjalankan rawatan boleh dipantau. Semua rawatan hendaklah dijalankan sebagaimana dalam perkara 5.3.1.
iv. Setelah selesai rawatan, PUS akan dikehendaki memakai *surgical mask* dan dihantar semula ke pusat kuarantin.

5.4 Perkhidmatan Kesihatan Pergigian *Outreach*

Perkhidmatan Kesihatan Pergigian *Outreach* didefinisikan sebagai perkhidmatan kesihatan pergigian yang diberikan kepada kumpulan sasaran tertentu di luar dari Klinik Pergigian menggunakan Pasukan Pergigian Bergerak. Walaupun bidang kesihatan dikategorikan sebagai perkhidmatan *essential*, namun Perkhidmatan Kesihatan Pergigian *Outreach* adalah bersifat elektif dan boleh **ditangguhkan**. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian *Outreach* dalam garis panduan ini meliputi perkhidmatan seperti berikut:

i. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian *Toddler* di Taska
ii. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Kanak-kanak di Tadika
iii. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Sekolah (Pra sekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah)
iv. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Berkeperluan Khas (Pusat Dalam Komuniti (PDK), Kanak-kanak Istimewa (KKI)
v. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Orang Asli
vi. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Penjara
vii. Perkhidmatan Kesihatan Komuniti (Khidmat Masyarakat) / Promosi Kesihatan Pergigian
viii. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Guru Pelatih
ix. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Kolej Komuniti
x. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Dewasa Muda (Tingkatan 6 & Kolej Vokasional)
xi. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Warga Emas
xii. Perkhidmatan Pergigian Domisiliari

Berikut adalah perkhidmatan lain yang perlu juga di tangguhkan :

i. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Ibu Mengandung di KKIA /Klinik Desa
ii. Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Toddler di KKIA / Klinik Desa

Pelan alternatif tugasan anggota yang terlibat dengan perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

i. Anggota perlu terlibat dalam aktiviti latihan untuk meningkatkan kesedaran anggota tentang garis panduan, langkah pencegahan dan pengendalian COVID-19
ii. Anggota menyediakan bahan promosi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kesihatan pergigian menggunakan infografik, video pendek dan sebagainya. Bahan promosi ini perlulah selari dengan rujukan serta garis panduan sedia ada.
iii. Menyiapkan projek Kualiti Inisiatif termasuk, Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Projek *Quality Assurance* (QA), Projek Inovasi, Projek Kajian Health System Research (HSR) dan lain-lain inisiatif di peringkat negeri.
iv. Lain-lain tugasan yang sesuai seperti diarahkan di peringkat negeri/daerah/ klinik termasuk:
    a. Mengemaskini dokumen ISO
    b. Urusan pelupusan dokumen
    c. Pemeriksaan aset
    d. Kemaskini kad rawatan

6.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/ PIHAK PENGURUSAN

6.1 Pengurusan Kakitangan Berpotensi Terdedah Kepada COVID-19 atau Kontak Rapat

Berikut merupakan keadaan-keadaan di mana anggota boleh terdedah kepada wabak COVID-19 dan langkah pengurusan yang boleh diambil oleh Ketua Jabatan.

6.1.1 Anggota yang Mempunyai Sejarah ke Luar Negara

Semua anggota dinasihatkan untuk menangguhkan perancangan ke luar negara buat masa ini. Walau bagaimanapun anggota yang telah ke luar negara perlu:

- **segera** menjalani pemeriksaan **saringan kesihatan** serta mematuhi arahan pangawasan dan pemantauan sendiri (***self-monitoring)*** yang telah dikeluarkan oleh KKM; DAN
- memaklumkan kepada Ketua Jabatan pada kadar **segera** sekembalinya dari negara tersebut; DAN
- **tidak menyembunyikan** sebarang maklumat berhubung pegawai atau ahli keluarga yang mempunyai **sejarah perjalanan ke luar negara** atau **disyaki** atau **disahkan positif COVID-19**

Ketua Jabatan pula perlu:

- mengarahkan pegawai yang telah ke luar negara untuk tidak hadir bertugas dan mematuhi arahan yang telah ditetapkan oleh KKM
- menghubungi Klinik Kesihatan (KK)/ Hospital yang telah dikenalpasti untuk arahan dan tindakan lanjut (**Lampiran 2**)

6.1.2 Anggota yang Ada Kontak Rapat Dengan Ahli Keluarga yang PUI Namun Tiada Gejala dan Tanda penyakit COVID-19

Anggota ini perlu memaklumkan kepada Ketua Jabatan pada kadar segera dan dibenarkan untuk tidak hadir bertugas sehingga keputusan pengesahan COVID-19 PUI diperolehi. Anggota juga hendaklah mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh PKD / Hospital berkaitan sebelum keputusan diperolehi. Sekiranya keputusan uijan adalah negatif, anggota perlu hadir bertugas semula.

6.1.3 Pengurusan Anggota yang Telah Terdedah dengan Pesakit Positif COVID-19

Kategori risiko perlu mengambil kira faktor-faktor berikut:

i. Jangkamasa terdedah (lebih lama terdedah, lebih tinggi risiko)
ii. Tanda-tanda klinikal dan gejala pesakit
iii. Samada prosedur rawatan melibatkan penggunaan aerosol telah dijalankan
iv. Jenis PPE yang telah digunakan oleh anggota

KATEGORI RISIKO BERDASAR KEADAAN PENDEDAHAN ANGGOTA DAN KAEDAH PENGURUSAN

Kategori risiko	Keadaan	Pengurusan
Risiko Tinggi	Anggota telah menjalankan atau berada di dalam bilik rawatan semasa prosedur rawatan melibatkan aerosol, ke atas pesakit COVID-19 **DAN** Anggota tidak menggunakan PPE yang lengkap dan menyebabkan mata, hidung serta mulut anggota terdedah	**a. Ada tanda dan gejala** Anggota dihantar untuk ujian pengesanan COVID-19 dengan segera Tidak dibenarkan bertugas sekurangnya 7 (tujuh) hari dengan Sjil Cuti Sakit, pengawasan dan pemantauan di rumah. Dibenarkan untuk kembali bertugas sekiranya: • Tiada tanda dan gejala. **DAN** • Keputusan ujian pengesanan COVID-19 adalah negatif dan telah disahkan boleh kembali

		bertugas oleh pegawai perubatan **b. Tiada tanda dan gejala** Dibenarkan untuk tidak hadir bertugas selama 7 (tujuh) hari dengan pengawasan dan pemantauan di rumah. Dibenarkan kembali bertugas sekiranya keputusan ujian pengesanan COVID-19 adalah negatif dan telah disahkan boleh kembali bertugas oleh pegawai perubatan
Risiko Medium	Anggota menjalankan prosedur rawatan tidak melibatkan aerosol pada jangkamasa yang lama ke atas pesakit positif COVID-19 **DAN** Bahagian badan anggota terdedah kepada bahan/ bendalir yang berkemungkinan telah dijangkiti dengan virus COVID-19	**a. Ada tanda dan gejala** Anggota dihantar untuk ujian pengesanan COVID-19 dengan segera Dibenarkan untuk tidak hadir bertugas selama 3 (tiga) hari dengan Sijil Cuti Sakit, pengawasan dan pemantauan di rumah sehingga: • Keputusan ujian makmal pengesahan COVID-19 adalah negatif dan telah disahkan boleh kembali bertugas oleh pegawai perubatan **DAN** • Tiada tanda dan gejala **b. Tiada tanda dan gejala** Dibenarkan untuk tidak hadir bertugas dan pengawasan di rumah sehingga keputusan ujian makmal pengesahan COVID-19 adalah negatif dan telah disahkan boleh kembali bertugas oleh pegawai perubatan
Risiko Rendah	Anggota tidak konsisten dalam pematuhan pemakaian PPE yang lengkap semasa kontak rapat dengan pesakit positif COVID-19	
Tiada Risiko	• Anggota yang tiada kontak rapat dengan kes postif COVID-19 • Tidak bertugas/ masuk ke ruang pengurusan pesakit • Anggota yang sentiasa mengamalkan PPE yang lengkap	Tidak perlu menjalani ujian, pemantauan atau halangan untuk bertugas

6.1.4 Kembali Bertugas

Anggota yang telah dibenarkan untuk kembali hadir bertugas perlu mengikuti tatacara berikut

i. Sentiasa memakai *surgical mask* semasa berada di fasiliti pergigian sehingga semua gejala telah benar-benar pulih atau 14 (empat belas) hari selepas mula sakit (mana-mana yang lebih lama)
ii. Perlu mematuhi *hand hygiene, respiratory hygiene* dan etika batuk
iii. Anggota tidak dibenarkan untuk mengendalikan *immunocompromised patient* selama 14 (empat belas) hari selepas terdedah atau mula sakit
iv. Pemantauan harian suhu badan dan tanda serta gejala pernafasan (batuk, sakit tekak, kesukaran bernafas)
v. Sekiranya anggota mengalami tanda-tanda baru (walaupun tanda ringan) atau semakin teruk dan mirip kepada COVID-19, anggota perlu berhenti menjalankan aktiviti yang melibatkan pesakit dengan serta merta dan memaklumkan terus kepada Ketua Jabatan pada kadar segera sebelum meninggalkan tempat bertugas

6.2 Pengurusan Klinik Pergigian/ Pejabat Sekiranya ada Pesakit/ Kakitangan yang Telah Disahkan Positif COVID-19.

6.2.1 Pengurusan Klinik Pergigian

Ketua Jabatan/unit perlulah mengambil tindakan yang sepatutnya supaya tindakan pencegahan yang maksima dapat dilakukan kepada anggota. Perkara-perkara berikut perlu dilakukan sekiranya terdapat pesakit yang pernah hadir di Klinik Pergigian yang telah disahkan positif COVID-19.

i. Semua anggota perlu mengambil tindakan pencegahan sepatutnya dengan mengambil kira semua pesakit yang hadir ke Klinik Pergigian dianggap sebagai pesakit COVID-19.
ii. Semua prosedur Kawalan Jangkitan Silang perlulah dipatuhi sepenuhnya sepertimana di dalam *Guidelines on Infection Control in Dental Practice 2017* [16].
iii. Maklumkan kepada Klinik Kesihatan (KK)/ Hospital yang telah dikenalpasti untuk arahan dan tindakan lanjut (**Lampiran 2**).
iv. Lantik anggota yang bertanggungjawab untuk memantau status kesihatan anggota termasuklah kesihatan mental anggota

6.2.2 Pengurusan Pejabat

Sekiranya terdapat anggota pergigian yang bertugas di Pejabat Pergigian samada di Ibu pejabat, di negeri atau daerah yang telah disahkan positif COVID-19, Ketua Jabatan perlulah:

i. Membuat pemakluman kepada Klinik Kesihatan (KK)/ Hospital yang telah dikenalpasti untuk arahan dan tindakan lanjut (**Lampiran 2**).

ii. Melantik ketua unit/penyelaras untuk bekerjasama dengan Klinik Kesihatan (KK)/ Hospital yang telah dikenalpasti dalam memantau status kesihatan anggota termasuklah kesihatan mental.

iii. Melaksanakan tindakan pencegahan dengan memastikan persekitaran kerja yang sentiasa bersih melalui proses disinfeksi pejabat dan peralatan secara berkala.

6.3 Pengurusan Umum

Bagi mengurangkan penularan wabak pandemik COVID-19, perkara berikut perlu dilaksanakan:

Bil	Perkara	Tindakan
1.	Pengurusan Kakitangan	i. Semua kakitangan perlu melalui saringan harian bagi mengesan tanda dan gejala COVID-19, sejarah perjalanan ke luar negara serta sejarah kontak rapat pesakit COVID-19 ii. Hanya kakitangan yang tiada tanda dan gejala COVID-19 serta sejarah ke luar negara / kontak rapat dalam tempoh 14 hari dibenarkan untuk meneruskan tugas iii. Sekiranya kakitangan yang disaring mempunyai tanda dan gejala COVID-19 serta sejarah ke luar negara / kontak rapat dalam tempoh 14 hari – hubungi Klinik Kesihatan (KK)/ Hospital yang telah dikenalpasti untuk arahan dan tindakan lanjut **(Lampiran 2)**
2.	Pengurusan di Pejabat	i. Melaksanakan saringan setiap pelanggan bagi mengesan tanda dan gejala COVID-19 dan sejarah perjalanan ke luar negara / kontak rapat ii. Hanya pelanggan yang tiada tanda dan gejala COVID-19 serta sejarah perjalanan ke luar negara / kontak rapat dalam tempoh 14 hari dibenarkan untuk meneruskan urusan iii. Sekiranya pelanggan yang disaring mempunyai tanda dan gejala COVID-19 serta sejarah perjalanan ke luar negara / kontak rapat dalam tempoh 14 hari – hubungi Klinik Kesihatan (KK)/ Hospital yang telah dikenalpasti untuk arahan dan tindakan lanjut (**Lampiran 2**) iv. Menyediakan *hand sanitizer* untuk kegunaan semua pelanggan v. Menghadkan pergerakan pelanggan dengan menyediakan tempat menunggu yang sesuai vi. Minimakan jumlah kakitangan yang bertugas vii. Semua petugas kaunter/barisan hadapan adalah diwajibkan mengambil langkah-langkah melindungi diri dengan dibekalkan dengan *hand sanitizer* termasuk penutup mulut dan hidung *(surgical mask)*

		viii. Menyediakan jadual penggiliran bertugas mengikut masa atau hari tertentu bagi pegawai yang perlu diarahkan untuk bertugas secara giliran
3.	Pengurusan Kursus/ Seminar/ Lawatan/ Mesyuarat	i. Semua kursus / seminar / lawatan / mesyuarat lain yang tidak penting perlu ditangguhkan ii. Kursus pengendalian COVID-19 di Klinik Pergigian perlu diberikan kepada semua kakitangan pergigian secara berkala dan dikemaskini dari masa ke semasa.

6.4 Pengurusan Cuti Kuarantin / Cuti Sakit

Cuti Sakit, Cuti Kuarantin dan pelepasan boleh diberikan kepada kakitangan mengikut situasi seperti berikut:

Bil.	Situasi	Cuti / Pelepasan yang diberikan	Kemudahan / Peraturan Sedia Ada
1.	Pegawai disahkan positif COVID-19	Sijil Sakit diberi Pengamal Perubatan	Cuti Sakit di bawah Perintah Am 17, Bab C (Cuti)
2.	Pegawai dikategorikan sebagai *Patient Under Investigation* (PUI)/ *Patient Under Surveillence (PUS)*	Pegawai diberi kebenaran tidak hadir atas Perintah Pengawasan dan Pemerhatian	Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] Seksyen 15(1)
3.	Pegawai menunggu keputusan ujian COVID-19	Pelepasan khas daripada bertugas sehingga keputusan ujian pengesanan COVID-19 adalah negatif dan telah disahkan boleh kembali bertugas oleh pegawai perubatan	
4.	Pegawai diberi Perakuan oleh Pengamal Perubatan untuk s*elf quarantine* di rumah	Pelepasan khas daripada bertugas selama 14 (empat belas) hari (termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)	

6.5 Elaun COVID-19 dan Elaun Lebih Masa

Kakitangan pergigian layak diberikan elaun seperti berikut tertakluk kepada kelayakan dan syarat:

Bil.	Situasi	Syarat	Kemudahan/ Peraturan Sedia ada
Elaun COVID-19			
1.	Pegawai diarahkan bertugas sebagai barisan hadapan COVID-19	Disertakan bukti:- Surat arahan & Jadual Bertugas	Pakej Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) 2020
Elaun Lebih Masa			
2.	Pegawai yang melakukan tugasan di luar waktu kerja	Disertakan bukti:- Surat arahan & Jadual Bertugas	Perintah Am Bab G(III) Elaun Lebih Masa Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP1.4

6.6 Peruntukan Kewangan

Semua pembelian *Personal Protective Equipment (PPE)* dan bahan disinfeksi adalah menggunakan peruntukan sedia ada. Disarankan ketua jabatan memberi keutamaan kepada perolehan *PPE* dan keperluan lain bagi menangani wabak COVID-19 berbanding bahan pergigian lain. Permohonan tambahan peruntukan boleh dipohon semasa *budget review* pada pertengahan tahun jika peruntukan sedia ada tidak mencukupi.

7.0 MEDIA SOSIAL

Penyebaran maklumat amatlah penting bagi mengelakkan panik di kalangan masyarakat, termasuk bagi kakitangan kesihatan pergigian. Dengan itu, makluman melalui media sosial akan dilaksanakan dari masa ke semasa.

Cara perlaksanaan makluman melalui media sosial termasuk melalui:

i. Infografik
ii. Mesej notifikasi
iii. Poster
iv. Video pendek

